



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## **PENGLIBATAN KELAS MENENGAH DALAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DI MALAYSIA**

*THE MIDDLE CLASS INVOLVEMENT IN SOCIOECONOMIC DEVELOPMENT  
IN MALAYSIA*

Nurul Ilma Sofyan<sup>1</sup>, Norazlan Hadi Yaacob<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: nurulilmasofyan@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: norazlan@fsk.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 30.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 22.05.2025

Published date: 26.06.2025

#### **To cite this document:**

Sofyan, N. I., & Yaacob, N. H. (2025). Penglibatan Kelas Menengah Dalam Pembangunan Sosioekonomi Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 557-572.

**DOI:** 10.35631/IJLGC.1040039

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Kelas menengah di Malaysia merupakan golongan yang penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. Golongan ini memainkan peranan utama dalam memacu pertumbuhan ekonomi, menyokong kestabilan politik, dan membentuk dinamika sosial di Malaysia. Keterlibatan kelas menengah dalam pelbagai aspek, termasuk ekonomi, politik, dan pendidikan, kini semakin signifikan. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan pemahaman mendalam tentang bagaimana penglibatan kelas menengah mempengaruhi pembangunan sosioekonomi secara keseluruhan. Masalah ini menimbulkan persoalan tentang sejauhmana kelas menengah berperanan dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat serta menyokong kestabilan sosioekonomi di negara ini. Masalah ini menimbulkan persoalan tentang sejauhmana kelas menengah berperanan dalam menyokong kestabilan sosioekonomi di negara ini. Oleh hal yang demikian, artikel ini membincangkan tentang penglibatan kelas menengah dalam aspek-aspek ekonomi, politik, masyarakat, dasar dan tadbir urus serta pendidikan terhadap pembangunan sosioekonomi di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi analisis dokumen dari sumber sekunder seperti buku, jurnal, dan artikel untuk meneliti secara menyeluruh peranan kelas menengah dalam konteks ini. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi pandangan yang mendalam mengenai bagaimana kelas menengah menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa kelas menengah memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan sosioekonomi yang berkualiti melalui sokongan terhadap pelbagai inisiatif yang memperbaiki taraf hidup dan mendorong pertumbuhan yang inklusif. Implikasi kajian menunjukkan bahawa

perkembangan kelas menengah dalam masyarakat telah membawa impak yang signifikan terhadap keseimbangan sosial dan ekonomi negara. Golongan ini cenderung untuk memperjuangkan nilai-nilai kemanusiaan, keadilan sosial, dan akauntabiliti dari pihak berkuasa. Kehadiran kelas menengah yang proaktif dalam arena politik dan sosial juga dapat memberikan tekanan kepada kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar yang lebih progresif dan inklusif.

**Katakunci:**

Masyarakat, Tadbir Urus, Penglibatan, Kelas Menengah, Pendidikan, Pembangunan Sosioekonomi

**Abstract:**

The middle class in Malaysia is an important group in the country's socioeconomic development. This group plays a key role in driving economic growth, supporting political stability, and shaping social dynamics in Malaysia. The involvement of the middle class in various aspects, including the economy, politics, and education, is increasingly significant. However, there is a lack of deep understanding of how middle-class involvement influences overall socioeconomic development. This issue raises questions about the extent to which the middle class contributes to improving the quality of life in society and supporting socioeconomic stability in the country. Therefore, this article discusses the involvement of the middle class in economic, political, social, policy, governance, and educational aspects of socioeconomic development in Malaysia. This study employs a qualitative approach through document analysis from secondary sources such as books, journals, and articles to thoroughly examine the role of the middle class in this context. Overall, this study provides insights into how the middle class contributes to socioeconomic development in Malaysia. The findings indicate that the middle class plays an essential role in ensuring quality socioeconomic development through support for various initiatives that enhance living standards and encourage inclusive growth. The implications of the study suggest that the growth of the middle class in society has had a significant impact on the social and economic balance of the country. They tend to advocate for humanitarian values, social justice, and accountability from authorities. The presence of a proactive middle class in the political and social arena can also exert pressure on the government to implement more progressive and inclusive policies.

**Keywords:**

Involvement, Middle Class, Society, Governance, Education, Socioeconomic Development

## Pengenalan

Penglibatan kelas menengah dalam pembangunan sosioekonomi di Malaysia merupakan elemen yang semakin penting dan relevan dalam konteks perubahan dinamik yang dihadapi oleh negara (Roslan et al., 2017; Kochhar & Sechopoulos, 2022). Kelas menengah, yang terdiri daripada individu dengan latar belakang pendidikan dan ekonomi yang berbeza, bukan sahaja mempengaruhi pertumbuhan ekonomi tetapi juga memainkan peranan yang signifikan dalam aspek politik dan sosial. Dalam dunia yang semakin kompleks ini, kelas menengah muncul sebagai pemangkin yang berpotensi untuk merangsang inovasi, meningkatkan daya saing, dan mempromosikan kestabilan sosial (Abdul Rahman, 2002; Rahimah, 2012). Namun begitu, terdapat beberapa isu yang sering dikaitkan dengan kelas menengah Malaysia, antaranya

ketidakseimbangan dan jurang sosioekonomi dalam keluarga kelas menengah (Abdul Hakim et al., 2014; Cheok, 2015; Annamalah et al., 2016). Meskipun kelas menengah sering dianggap sebagai golongan yang stabil dari segi kewangan dan sosial, masih terdapat jurang pendapatan dan peluang dalam kalangan mereka sendiri. Terdapat segelintir anggota kelas menengah yang berdepan dengan cabaran kewangan, terutama dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup, tekanan ekonomi, dan ketidakpastian pekerjaan (Leicht & Fitzgerald, 2022). Jurang ini boleh mengancam kestabilan sosial dan memperkuatkan ketidakseimbangan ekonomi yang sedia ada dan menyebabkan perlunya kajian yang mendalam untuk mengenal pasti kekangan dan merangka dasar yang mampu membantu semua golongan dalam kelas menengah memperoleh peluang yang saksama (Abdul Hakim et al., 2014; Cheok, 2015).

Namun demikian, sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971, kelas menengah di Malaysia telah mengalami transformasi yang ketara. Mereka telah menjadi penyumbang utama kepada pelbagai sektor ekonomi, termasuk perniagaan, industri, dan profesional (Rahimah, 2012; Vijnana, 2024). Penglibatan kelas menengah dalam bidang pendidikan dan kepemimpinan juga memberikan impak yang besar terhadap pembangunan modal insan di negara ini. Dengan pendidikan yang lebih baik, mereka berupaya menyumbang kepada inovasi dan kemajuan dalam pelbagai disiplin, serta menciptakan peluang-peluang baru dalam ekonomi (Abdul Rahman, 2002; Wan Kamal & Allawati, 2012; Abdur Rozaki et al., 2019; Riki Rahman et al., 2021; Anuar & Nur Atiqah, 2022). Keterlibatan mereka dalam isu-isu berkaitan dengan pembangunan sosial, kempen kesedaran, dan aktiviti komuniti menunjukkan bahawa suara mereka semakin lantang dan diiktiraf (Marlon et al. 2020; Fernandes, 2023). Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji penglibatan kelas menengah dalam pembangunan sosioekonomi di Malaysia. Dalam kajian ini membincangkan empat aspek utama penglibatan kelas menengah dalam sosioekonomi iaitu penglibatan dalam ekonomi, penglibatan dalam politik, penglibatan dalam masyarakat, penglibatan dalam dasar dan tadbir urus serta penglibatan dalam pendidikan.

Oleh itu, kajian mengenai penglibatan kelas menengah dalam pembangunan sosioekonomi di Malaysia adalah penting untuk memahami peranan dan sumbangan mereka dalam membentuk hala tuju negara. Melalui penyelidikan ini, kita dapat mengenal pasti peluang-peluang strategik serta cabaran yang dihadapi oleh kelas menengah, sekaligus merumuskan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperkuatkan kedudukan mereka dalam struktur sosioekonomi Malaysia. Dengan memahami dinamika ini, pihak yang kerajaan dapat merancang atau melaksanakan inisiatif yang lebih efektif untuk menyokong pertumbuhan dan penglibatan kelas menengah dalam pembangunan negara, menjadikan mereka sebagai salah satu tulang belakang kepada kemakmuran dan kemajuan Malaysia di masa hadapan.

### Sorotan Kajian Lepas

Bahagian ini membincangkan mengenai sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan penglibatan kelas menengah dalam Pembangunan Sosioekonomi. Penglibatan tersebut dibahagikan kepada lima penglibatan iaitu penglibatan dalam ekonomi, penglibatan dalam politik, penglibatan dalam masyarakat dan penglibatan dalam pendidikan. Penglibatan golongan kelas menengah dalam ekonomi adalah aspek yang sangat penting dalam pembangunan dan kestabilan ekonomi sesebuah negara. Keupayaan mereka untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi menjadikan mereka agen perubahan yang signifikan dalam landskap ekonomi. Pelbagai kajian lepas telah dijalankan untuk meneliti penglibatan kelas menengah dalam ekonomi, menunjukkan peranan mereka yang semakin

penting. Salah satu kajian lepas adalah oleh Abdur Rozaki et al. (2019), yang menilai penglibatan kelas menengah Muslim dalam ekonomi dan mendapati bahawa mereka berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan pasaran yang berorientasikan Islam. Ini termasuk sektor perniagaan, perbankan Islam, dan industri halal. Kelas menengah ini bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan taraf hidup, tetapi juga memperkuuh identiti dan nilai-nilai Islam dalam konteks ekonomi global. Dengan daya beli yang meningkat, mereka turut mempengaruhi corak pengguna dan permintaan terhadap produk serta perkhidmatan yang sejajar dengan prinsip-prinsip Islam.

Kajian oleh Wan Kamal dan Allawati (2012) juga menunjukkan betapa signifikan peranan kelas menengah Muslim dalam ekonomi. Kajian ini meneliti penglibatan kelas menengah dalam pengurusan perniagaan dan proses pembentukan dasar. Hasil kajian mendapati bahawa kelas menengah Muslim terlibat secara aktif dalam sektor perniagaan dan pekerjaan, serta memainkan peranan penting dalam pembuatan dasar yang membolehkan mereka mempengaruhi keputusan demi kepentingan masyarakat Muslim. Sementara itu, kajian oleh Allawati Kasri (2014) menekankan sumbangan golongan ini dalam pembangunan ekonomi melalui penglibatan dalam pelbagai sektor, di samping berfungsi untuk mencegah peminggiran ekstremisme dan mempromosikan keharmonian sosial. Kedua-dua kajian ini secara keseluruhan menegaskan bahawa kelas menengah di Malaysia, sama ada Muslim atau Melayu, mempunyai peranan penting bukan sahaja dalam sumbangan ekonomi tetapi juga dalam memastikan kestabilan sosial dan politik.

Kajian seterusnya oleh Riki Rahman et al. (2021) mengenal pasti sumbangan kelas menengah Muslim di Malaysia dari aspek sosial, terutamanya dalam pendidikan dan ekonomi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kelas menengah Muslim memberikan sumbangan yang besar dalam membangunkan negara. Mereka aktif menubuhkan syarikat, restoran, dan kedai runcit, yang meningkatkan pendapatan mereka dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Melalui inisiatif perniagaan ini, mereka juga mencipta peluang pekerjaan, merangsang inovasi, dan memperkuuh jaringan ekonomi tempatan. Gil Sander et al. (2014) menganalisis peranan kelas menengah dalam transformasi ekonomi Malaysia serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperkuuh kedudukan mereka dalam masyarakat. Kajian ini menunjukkan bahawa kelas menengah bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan permintaan dalam pasaran, tetapi juga memainkan peranan penting dalam inovasi dan keusahawanan. Peningkatan akses kepada pendidikan berkualiti dan sokongan untuk usahawan dari golongan berpendapatan rendah sangat penting dalam memperkuuh kedudukan kelas menengah, seterusnya mengurangkan jurang pendapatan dan ketidaksamaan dalam masyarakat.

Selain itu, bagi melihat penglibatan golongan kelas menengah dalam politik pula, Wan Kamal et al. (2012) telah menjalankan kajian mengenai peranan agensi kerajaan dalam membangunkan dan memperkuuh kelas menengah Melayu, dengan penekanan khusus kepada penglibatan politik golongan ini. Tujuan kajian adalah untuk memahami bagaimana inisiatif dan dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan dapat meningkatkan kesedaran politik serta menyokong penyertaan kelas menengah Melayu dalam proses demokrasi. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan agensi kerajaan dalam pelbagai program pendidikan dan pembangunan ekonomi telah membantu kelas menengah Melayu untuk lebih menyedari kepentingan mereka dalam sfera politik. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa kelas menengah Melayu kini lebih aktif dalam menyuarakan pandangan mereka serta terlibat dalam

proses pemilihan dan pembuatan dasar. Dalam kajian yang lebih mendalam, Abdul Rahman Embong (2002) mengulas tentang peranan kelas menengah di Malaysia, terutama dalam konteks politik dan demokrasi. Menggunakan tinjauan dan pemerhatian etnografi, kajian ini menganalisis sikap dan kedudukan kelas menengah Melayu dalam politik Malaysia. Pada tahun 2016, Abdul Rahman Embong meneruskan kajiannya untuk meneliti dinamika politik dengan fokus kepada peranan kelas menengah dalam proses demokrasi. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa kelas menengah berfungsi sebagai penyeimbang dalam politik Malaysia, memperjuangkan isu-isu hak asasi, ketelusan, dan keadilan sosial. Selain itu, mereka juga menyokong nilai moderasi dan pemikiran kritis, yang dilihat sebagai elemen penting dalam memperkuuh nilai-nilai demokrasi. Secara keseluruhan, gabungan kajian-kajian ini menekankan bahawa kelas menengah di Malaysia bukan sahaja memainkan peranan penting dalam memperkuuh kestabilan ekonomi, tetapi juga bertindak sebagai agen perubahan dalam konteks sosial dan politik. Keterlibatan mereka dalam proses demokrasi menunjukkan bahawa kelas menengah mempunyai peranan yang signifikan dalam membentuk arah dan masa depan negara.

Seterusnya iaitu penglibatan dalam masyarakat pula, kajian oleh Mohd Yusof et al. (2017) menganalisis persepsi penduduk terhadap kesejahteraan hidup yang erat kaitannya dengan penglibatan sosial. Temuan yang menunjukkan bahawa hubungan kejiranan yang baik dan kerjasama dalam aktiviti sosial seperti kenduri dan ceramah agama memperkuuh jaringan sosial. Dalam konteks ini, kelas menengah yang terlibat dalam aktiviti tersebut berfungsi untuk memperkuatkan ikatan komuniti dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Keterlibatan mereka dalam program-program sosial dan keagamaan bukan sahaja memberikan manfaat langsung kepada individu, tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhan dengan menumbuhkan perasaan saling menghormati dan sokongan antara penduduk. Selain itu, kajian oleh Trinh (2021 & 2022) mengenai penglibatan wanita kelas menengah dalam masyarakat melengkapkan perspektif ini dengan menekankan peranan kelas menengah dalam arena sosial dan kemanusiaan. Wanita dalam kelas menengah, khususnya mereka yang terlibat dalam NGO, memperjuangkan hak asasi manusia dan keadilan sosial. Melalui penglibatan mereka, wanita kelas menengah bukan sahaja memberi suara kepada isu-isu penting yang mempengaruhi masyarakat tetapi juga menciptakan kesedaran dan mobilisasi di kalangan penduduk setempat. Ini jelas menunjukkan bahawa kelas menengah tidak hanya bertindak sebagai individu yang berfokus kepada kejayaan peribadi, tetapi juga sebagai agen yang mendorong perubahan sosial dan meningkatkan kualiti kehidupan dalam komunitas di mana mereka berada.

Di samping itu, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan penglibatan kelas menengah dalam dasar dan tadbir urus. Antaranya ialah Nina Nurasyekin & Abdul Quddus, (2019) telah meneliti isu dan cabaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat di Malaysia dalam mengamalkan amalan tadbir urus korporat yang baik, serta untuk memahami pengaruh kelas menengah dalam proses penggubalan dasar dan tadbir urus. Kajian ini mendapati bahawa penglibatan kelas menengah dalam proses penggubalan dasar dan tadbir urus adalah kritikal, kerana mereka berperanan sebagai pemangkin untuk meningkatkan akauntabiliti, integriti, dan ketelusan dalam pengurusan korporat. Berdasarkan kajian ini menyatakan bahawa dengan penglibatan aktif kelas menengah dapat mendorong perubahan positif dalam amalan tadbir urus, yang seterusnya akan menyumbang kepada kelangsungan dan kejayaan institusi tadbir urus di Malaysia.

Melihat kajian di luar negara luar pula, Fernandes (2023) pula berpandangan bahawa kelas pertengahan bukan sahaja berfungsi sebagai penerima manfaat daripada proses liberalisasi, tetapi juga memainkan peranan penting sebagai agen perubahan dalam pentadbiran negara. Menurut pengkaji golongan ini menggunakan posisi mereka untuk mempengaruhi keputusan dasar dan mengarahkan perhatian terhadap isu-isu sosial dan ekonomi yang penting bagi mereka dan masyarakat secara keseluruhan. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian Barbehön et al., (2020). Kajian ini memahami bagaimana kelas pertengahan berfungsi dalam konteks negara kebijakan dan bagaimana mereka mempengaruhi serta dipengaruhi oleh dasar-dasar yang ada. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kelas pertengahan sering kali berperanan sebagai penyokong utama bagi sistem kebijakan dan berjuang bagi mendapatkan akses kepada manfaat sosial dan perlindungan yang ditawarkan. Dalam hal ini, kelas pertengahan dapat berfungsi sebagai penghubung antara masyarakat awam dan penggubal dasar, memberikan pandangan dan aspirasi yang dapat membentuk dasar-dasar yang lebih inklusif.

Bagi kajian lepas berkaitan dengan penglibatan kelas menengah dalam pendidikan pula, kajian oleh Nur Annizah et al. (2020) dan Anuar & Nur Atiqah (2022) menunjukkan bahawa golongan kelas menengah aktif terlibat dalam pendidikan anak-anak mereka. Anuar Ahmad & Nur Atiqah Abdullah menekankan peranan kelas menengah dalam mendorong pendidikan kewarganegaraan yang komprehensif, iaitu mereka menunjukkan minat yang tinggi terhadap isu-isu sosial dan politik serta memastikan anak-anak mereka memahami hak dan tanggungjawab sebagai warganegara. Nur Annizah Ishak et al. (2020) pula mengesahkan bahawa ibu bapa kelas menengah memberi sokongan emosi dan akademik yang tinggi terhadap pendidikan anak-anak, dengan melibatkan diri dalam aktiviti sekolah dan membantu melaksanakan kerja rumah. Melihat kajian daripada negara luar pula iaitu dalam kajian Jo, H. (2022) memperkenalkan konsep penglibatan ibu bapa berdasarkan pasaran, iaitu bentuk penglibatan yang memanfaatkan rangkaian sosial dalam kalangan ibu bapa bagi mendapatkan akses kepada pendidikan tambahan yang berkualiti tinggi. Penemuan ini menunjukkan bahawa penglibatan kelas menengah tidak hanya tertumpu kepada hubungan antara keluarga dan sekolah semata-mata, malah turut melibatkan peranan aktif dalam memilih dan mengurus pendidikan luar sekolah yang sesuai dengan keperluan anak-anak. Gabungan dapatan ini menunjukkan bahawa penglibatan aktif ibu bapa kelas menengah memberikan impak positif terhadap pencapaian akademik dan perkembangan sosial anak-anak. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penglibatan kelas menengah sangat memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi di Malaysia.

Berikut adalah jadual ringkas penemuan kajian lepas berkaitan penglibatan kelas menengah dalam pelbagai aspek pembangunan sosioekonomi, sosial, politik, dan pendidikan:

**Jadual 1: Ringkasan Penemuan Kajian Lepas**

<b>Aspek Penglibatan</b>	<b>Penemuan Utama</b>	<b>Penulis / Tahun</b>
Penglibatan Ekonomi	Peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi, termasuk sektor perniagaan, perbankan Islam, industri halal, dan meningkatkan taraf hidup serta pembentukan identiti Islam dalam ekonomi global.	Abdur Rozaki et al. (2019)
	Kelas menengah Muslim aktif dalam pengurusan perniagaan dan perancangan dasar, serta menyokong inovasi dan keusahawanan.	Wan Kamal dan Allawati (2012)
	Kontribusi dalam pembangunan ekonomi dan integrasi sosial melalui aktiviti perniagaan dan memperkuuh jaringan ekonomi tempatan.	Riki Rahman et al. (2021)
	Melibatkan diri dalam transformasi ekonomi dan meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti serta sokongan usahawan dari golongan berpendapatan rendah.	Gil Sander et al. (2014)
	Penglibatan aktif dalam proses politik dan pembinaan demokrasi melalui inisiatif kerajaan dan kesedaran politik golongan Melayu dan Muslim.	Wan Kamal et al. (2012); Abdul Rahman Embong (2002, 2016)
	Peranan sebagai penyeimbang politik, memperjuangkan isu hak asasi, ketelusan, keadilan sosial, dan nilai moderasi.	Abdul Rahman Embong (2002, 2016)
Penglibatan Dalam Masyarakat	Keterlibatan dalam aktiviti sosial dan keagamaan memperkuuh jaringan sosial dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat.	Mohd Yusof et al. (2017); Trinh (2021 & 2022)
	Peranan wanita kelas menengah dalam NGO dan memperjuangkan hak asasi manusia serta keadilan sosial.	Trinh (2021 & 2022)
	Penglibatan dalam dasar dan tadbir urus, sebagai agen perubahan dalam penggubalan dasar dan tadbir urus korporat.	Nina Nurasyekin & S. M. (2019); Fernandes (2023)
	Peranan kelas menengah sebagai penyokong sistem kebijakan dan	Barbehön et al. (2020)

<b>Penglibatan Dalam Pendidikan</b>	sebagai penghubung antara rakyat dan penggubal dasar. Kelas menengah aktif dalam pendidikan anak-anak, menyokong pendidikan kewarganegaraan, dan terlibat dalam aktiviti sekolah serta pendidikan luar sekolah. Penglibatan dalam memilih dan mengurus pendidikan luar sekolah serta memanfaatkan rangkaian sosial untuk akses pendidikan berkualiti.	Nur Annizah et al. (2020); Anuar & Nur Atiqah (2022); Jo (2022)
-------------------------------------	---	---

---

### **Metodologi Kajian**

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berfokus kepada pengumpulan dan analisis data melalui sumber sekunder, termasuk buku, jurnal, artikel, dan maklumat dari internet. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengumpulkan maklumat yang relevan dan mendalam mengenai penglibatan kelas menengah dalam pembangunan sosioekonomi, baik dalam konteks Malaysia mahupun di negara lain. Melalui kaedah ini, data dikumpulkan dengan teliti melalui kajian terdahulu yang berkaitan, yang seterusnya memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan komprehensif tentang penglibatan kelas menengah dalam konteks sosioekonomi yang lebih luas.

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji turut melakukan kajian kepustakaan dengan tujuan untuk mengumpulkan maklumat yang berkaitan serta meneliti pelbagai literatur yang membincangkan isu-isu relevan tentang kelas menengah. Kajian kepustakaan ini menggunakan pelbagai pangkalan data akademik dan sumber-sumber lain, termasuk jurnal, buku, laporan penyelidikan, dan artikel ilmiah. Proses ini membolehkan pengkaji untuk mencari dan menilai literatur yang berkaitan secara sistematis, serta mengenal pasti tema-tema utama, hasil-hasil, dan sudut pandang yang berbeza dalam penglibatan kelas menengah. Oleh hal yang demikian, melalui pendekatan ini, pengkaji dapat memperolehi data daripada kajian-kajian lepas berkaitan dengan penglibatan kelas menengah dalam sosiekonomi sekaligus mendukung analisis dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan kelas menengah dalam pembangunan sosioekonomi di Malaysia.

### **Hasil Kajian Dan Perbincangan**

#### ***Penglibatan dalam Ekonomi***

Penglibatan kelas menengah dalam ekonomi di Malaysia merupakan aspek yang signifikan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Kelas menengah memainkan peranan penting dalam memberi sokongan kepada dasar-dasar yang berkaitan dengan ekonomi (Raymundo et al. 2015; Roslan et al., 2017). Sebagai individu yang berpendidikan dan mempunyai kesedaran tentang isu-isu ekonomi, golongan ini cenderung untuk menyokong inisiatif yang mempromosikan pertumbuhan ekonomi, kestabilan harga, dan pembangunan sosial. Sokongan ini bukan hanya melalui undi di pilihan raya, tetapi juga melalui penyertaan dalam dialog awam dan forum yang membincangkan dasar-dasar yang berkaitan dengan ekonomi negara. Dengan memberikan pandangan dan maklum balas, ia mampu membantu

kerajaan dalam merangka dan melaksanakan dasar yang lebih efektif dan berkesan (Gil Sander et al. 2014; Roslan et al., 2017; Liudmyla, 2019).

Selain itu, kelas menengah merupakan penyumbang utama kepada hasil negara melalui pembayaran cukai. Dengan pendapatan yang stabil dan ekonomi yang berkembang, kelas menengah membayar pelbagai bentuk cukai, termasuk cukai pendapatan, cukai jualan, dan cukai yang berkaitan dengan perniagaan. Pembayaran cukai ini adalah penting kerana ia membantu meningkatkan sumber pendapatan negara. Pendapatan yang diperoleh daripada cukai ini kemudiannya digunakan untuk membiayai pelbagai projek pembangunan, infrastruktur, dan perkhidmatan awam yang memberi manfaat kepada seluruh masyarakat. Dengan demikian, kelas menengah bukan sahaja mengukuhkan ekonomi secara peribadi tetapi juga menyokong kemajuan negara secara keseluruhan (Wan Kamal et al. 2012; Muhammad Afdi, 2015; Muhammad Najib, 2018).

Seterusnya, kelas menengah juga menyumbang kepada peningkatan kuasa beli yang memainkan peranan penting dalam mengukuhkan ekonomi negara. Dengan pendapatan yang mencukupi, kelas menengah mampu untuk berbelanja lebih dalam pelbagai barang dan perkhidmatan, yang secara langsung merangsang permintaan dalam ekonomi. Permintaan yang tinggi ini tidak hanya meningkatkan keuntungan syarikat-syarikat tempatan tetapi juga mendorong inovasi dan keupayaan pengeluaran. Apabila kelas menengah berbelanja, mereka mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan menyokong perniagaan kecil dan sederhana, yang seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih berkelanjutan. Secara keseluruhannya, penglibatan kelas menengah dalam ekonomi Malaysia adalah pelbagai aspek dan berkesan dalam menyokong dasar, meningkatkan hasil negara melalui cukai, serta memperkuuhkan kuasa beli yang mendorong pertumbuhan ekonomi. Dengan peranan ini, kelas menengah menjadi faktor penting dalam memastikan kestabilan dan kemakmuran ekonomi negara (Hairol Anuar et al., 2014; Abdur Rozaki et al., 2019; Riki Rahman et al., (2021).

### **Penglibatan dalam Politik**

Penglibatan kelas menengah dalam politik di Malaysia semakin ketara dan memainkan peranan yang penting dalam pembentukan arah tuju negara. Salah satu cara mereka terlibat adalah dengan menjadi ahli jawatankuasa dalam parti politik. Kelas menengah, dengan pendidikan dan latar belakang yang kukuh, sering kali memegang jawatan penting dalam organisasi politik. Dengan keahlian ini, mereka dapat menyumbang idea dan perspektif yang berharga dalam pembuatan keputusan serta perancangan strategi parti politik. Penglibatan dalam jawatankuasa ini tidak hanya memberi mereka suara dalam mencorakkan dasar, tetapi juga meningkatkan tadbir urus dan legitimasi dalam parti (Milenkova & Peicheva, 2018; Lamsal, 2022; Yakovlev, et al. 2023).

Selain itu, kelas menengah juga menunjukkan komitmen mereka terhadap demokrasi dengan turun mengundi dalam pilihan raya. Kelas menengah cenderung untuk mengundi secara aktif kerana mereka sedar akan kepentingan pilihan raya dalam menentukan pemimpin dan dasar yang mempengaruhi kehidupan mereka. Keterlibatan mereka di peti undi adalah bukti bahawa mereka merebut peluang untuk menyatakan pendapat dan harapan bagi masa depan negara. Dengan sikap ini, mereka tidak hanya berperanan sebagai pengundi, tetapi juga sebagai agen perubahan dalam proses politik (Glassman, 1995; Chun, 2016; Yakovlev, et al. 2023). Selain itu juga, kelas menengah lebih cenderung untuk mengundi calon-calon yang menjanjikan

dasar-dasar yang berpihak kepada kepentingan mereka, termasuk isu-isu seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, dan pembangunan infrastruktur. Kesedaran ini menjadikan kelas menengah sebagai pengundi strategik yang dapat mempengaruhi hasil pilihan raya (Mansor et al. 2016).

Penglibatan dalam politik juga dapat dilihat apabila kelas menengah juga menyumbang dari segi kewangan kepada kempen politik. Dengan pendapatan yang stabil, mereka mampu untuk memberi sumbangan kepada parti-parti politik yang mereka sokong. Sumbangan ini membantu meningkatkan kempen politik dan memperkuatkan platform yang menghasilkan dasar-dasar yang selaras dengan kepentingan mereka. Melalui sokongan kewangan ini, kelas menengah turut memastikan bahawa suara mereka dan aspirasi mereka dipertimbangkan dalam penggubalan dasar (Saravanamuttu, 1992; Yakovlev, et al. 2023). Secara keseluruhannya, penglibatan kelas menengah dalam politik di Malaysia adalah penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. Keterlibatan mereka sebagai ahli jawatankuasa dalam parti, pengundi aktif, dan penyumbang kewangan kepada kempen politik menggambarkan keinginan mereka untuk mempengaruhi masa depan negara dan masyarakat. Dengan menyuarakan pandangan serta berpartisipasi dalam proses demokratik, kelas menengah bukan sahaja memperkuat kedudukan mereka dalam arena politik, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan holistik sosioekonomi di Malaysia, yang membawa kepada kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan (Abdul Rahman, 2016).

### ***Penglibatan dalam Masyarakat***

Penglibatan kelas menengah dalam masyarakat di Malaysia adalah penting untuk memperkuatkannya jaringan sosial dan mempromosikan pembangunan komuniti yang berdaya tahan. Salah satu cara kelas menengah terlibat adalah melalui penyertaan dalam mesyuarat persatuan penduduk di kawasan tempat tinggal mereka. Dalam mesyuarat ini, mereka membincangkan isu-isu setempat, merancang aktiviti komuniti, dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk. Dengan penyertaan aktif dalam persatuan ini, kelas menengah tidak hanya dapat menyuarakan pandangan dan harapan mereka, tetapi juga dapat berkolaborasi dengan penduduk lain untuk memastikan kemakmuran dan kesejahteraan kawasan mereka (Zerah, 2007; Mohd Yusof et al. 2017)

Selain itu, kelas menengah juga secara aktif menyertai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang fokus kepada pelbagai isu sosial dan pembangunan masyarakat. Keterlibatan mereka dalam NGO membolehkan mereka menyumbang kepada projek-projek kebaikan dan pembangunan komuniti. Dengan latar belakang pendidikan yang kukuh, kelas menengah sering kali memainkan peranan penting dalam merancang dan melaksanakan program-program yang memberi manfaat kepada masyarakat, seperti pendidikan, kesihatan, dan pemeliharaan alam sekitar. Sumbangan masa dan tenaga mereka dalam NGO ini membantu mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi tentang isu-isu sosial dalam kalangan masyarakat secara keseluruhan (Trinh, 2021 & 2022).

Di samping itu juga, kelas menengah turut terlibat dalam penganjuran program kemasyarakatan. Mereka sering menggerakkan inisiatif seperti karnival, ceramah awam, dan program gotong-royong yang bukan sahaja bertujuan untuk merapatkan hubungan antara penduduk, tetapi juga untuk menyalurkan maklumat mengenai pelbagai isu dan peluang dalam masyarakat. Melalui penganjuran aktiviti ini, kelas menengah membantu meningkatkan penglibatan sosial dan membina jaringan yang lebih kukuh dalam komuniti (Rodan, 2014;

Dulkiah, 2024). Secara keseluruhannya, penglibatan kelas menengah dalam masyarakat memperlihatkan betapa pentingnya mereka dalam pembangunan sosioekonomi di Malaysia. Penyertaan mereka dalam mesyuarat persatuan penduduk, NGO, dan penganjuran program kemasyarakatan bukan sahaja memperkuatkan jaringan sosial, tetapi juga mencipta kesedaran dan tindakan kolektif dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat. Dengan cara ini, kelas menengah menjadi agen perubahan yang dapat membantu membentuk masyarakat yang lebih berdaya tahan, sejahtera, dan seimbang, sekaligus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara yang lebih mampan (Abdul Rahman, 2002).

### ***Penglibatan dalam Dasar dan Tadbir Urus***

Penglibatan kelas menengah dalam dasar dan tadbir urus di Malaysia bukan sahaja memberi impak kepada proses pembuatan keputusan, tetapi juga membawa nilai tambah dalam meningkatkan kualiti pengurusan kerajaan. Salah satu cara kelas menengah terlibat adalah dengan memberi maklum balas kepada kerajaan mengenai pelbagai dasar dan inisiatif tadbir urus. Dengan latar belakang pendidikan yang tinggi dan kesedaran sosial yang mendalam, kelas menengah mampu memberikan pandangan yang kritikal dan konstruktif tentang keberkesanannya dasar-dasar yang dilaksanakan. Maklum balas ini sangat penting kerana ia membantu kerajaan memahami keperluan dan harapan masyarakat serta membuat penambahbaikan yang diperlukan (Nina Nurasyekin & S. M, 2019; Tulina, 2020; Fernandes, 2023; Oe, & Yamaoka, 2024).

Kelas menengah juga berperanan sebagai pengawal selia dalam menilai prestasi kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasar dan program-program tadbir urus. Melalui penglibatan mereka dalam perbincangan awam dan analisis dokumen, kelas menengah dapat memantau dan menilai kualiti pelaksanaan dasar. Ini membolehkan mereka memastikan bahawa sumber-sumber awam digunakan dengan bijak dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Keterlibatan ini bukan sahaja memperkasa kelas menengah tetapi juga mempertingkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran kerajaan (Marlon, et al. 2020; Fernandes, 2023).

Selain itu, kelas menengah melibatkan diri dalam program-program yang dijalankan untuk meningkatkan nilai tadbir urus yang baik dalam negara. Mereka sering menyokong inisiatif berkaitan dengan pendidikan awam, pemerkasaan masyarakat, dan pembangunan kapasiti dalam tadbir urus. Melalui penyertaan dalam program-program ini, kelas menengah menyumbang kepada pengukuhan amalan tadbir urus yang baik serta mempromosikan nilai-nilai integriti dan kebertanggungjawaban dalam pemerintahan (Damanik et al. 2024; Dwitasari, 2024). Kesimpulannya, penglibatan kelas menengah dalam dasar dan tadbir urus adalah sangat penting dalam pembangunan sosioekonomi di Malaysia. Dengan memberikan maklum balas yang konstruktif, menjadi pengawal selia terhadap dasar-dasar kerajaan, dan terlibat dalam program-program tadbir urus yang baik, kelas menengah bukan sahaja membantu membentuk dasar-dasar yang lebih berkualiti tetapi juga memastikan implikasi sosialnya memadai. Keterlibatan aktif mereka dalam tadbir urus memupuk kepercayaan masyarakat terhadap institusi kerajaan dan menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan negara secara keseluruhan (Nina Nurasyekin & S. M, 2019; Tulina, 2020).

### ***Penglibatan dalam Pendidikan***

Penglibatan kelas menengah dalam pendidikan di Malaysia adalah sangat penting dan berkesan dalam mempertingkatkan kualiti sistem pendidikan. Salah satu cara mereka menyumbang adalah dengan melibatkan diri dalam aktiviti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah.

Melalui penyertaan dalam PIBG, kelas menengah dapat berinteraksi dengan guru dan ibu bapa lain untuk membincangkan isu-isu berkaitan pendidikan serta merancang aktiviti yang dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar. Keterlibatan ini membolehkan mereka menyuarakan pandangan dan cadangan yang boleh membantu pentadbiran sekolah melaksanakan dasar-dasar pendidikan yang lebih baik (Nur Annizah et al., 2020; Anuar & Nur Atiqah 2022).

Selain itu, kelas menengah juga secara aktif menyokong dasar pendidikan yang berfokus kepada peningkatan kualiti pendidikan. Mereka sering terlibat dalam perbincangan mengenai rangka kerja dasar yang boleh memperbaiki aspek-aspek penting dalam pendidikan, seperti pengukuhan kurikulum, peningkatan kemahiran guru, dan akses kepada teknologi dalam pembelajaran. Dengan mempromosikan dasar-dasar ini, kelas menengah membantu memastikan proses pendidikan di Malaysia terus relevan dan mampu bersaing di pentas global (Rohaty & Maisarah, 2010; Nur Annizah et al., 2020; Anuar & Nur Atiqah, 2022).

Di samping itu, kelas menengah sering kali membantu dalam menyediakan sokongan kewangan kepada sekolah bagi membiayai projek-projek pembangunan sekolah. Mereka tidak hanya menyokong dari segi moral tetapi juga memberikan sumbangan kewangan untuk membiayai pembinaan prasarana, penyediaan alat bantuan pengajaran, dan aktiviti kokurikulum. Dengan sumbangan ini, kelas menengah memastikan sekolah-sekolah mempunyai sumber dan peralatan yang diperlukan untuk menyediakan persekitaran belajar yang lebih baik bagi pelajar (Grootenboer & Larkin, 2019). Kesimpulannya, penglibatan kelas menengah dalam pendidikan adalah penting dalam pembangunan sosioekonomi di Malaysia. Dengan menyertai PIBG, menyokong dasar pendidikan berkualiti, dan memberikan sokongan kewangan kepada projek sekolah, kelas menengah bukan sahaja membantu meningkatkan pendidikan tetapi juga menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang berpendidikan dan berdaya saing. Peranan aktif mereka dalam pendidikan ini membentuk generasi masa depan yang lebih berkemahiran dan berpengetahuan, seterusnya menyokong kemajuan sosioekonomi negara secara keseluruhan (Nur Annizah et al., 2020; Anuar & Nur Atiqah 2022).

**Jadual 2: Ringkasan Penglibatan Kelas Menengah dalam Pembangunan Sosioekonomi Malaysia**

<b>Aspek Penglibatan</b>	<b>Aktiviti Utama Kelas Menengah</b>	<b>Impak Terhadap Pembangunan Sosioekonomi</b>
Ekonomi	Membayar cukai, berbelanja dan menyokong dasar ekonomi.	Menyumbang kepada hasil negara dan merangsang pertumbuhan ekonomi.
Politik	Mengundi, menyerati parti politik, memberi sumbangan kewangan.	Meningkatkan tadbir urus dan mempengaruhi pembentukan dasar awam.
Masyarakat	Menyertai NGO, persatuan penduduk, menganjurkan program kemasyarakatan.	Memperkuuh jaringan social dan mewujudkan komuniti sejahtera.

Tadbir Urus	Memberi maklum balas terhadap dasar, memantau prestasi kerajaan.	Meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan dalam pemerintahan.
Pendidikan	Menjadi ahli PIBG, menyumbang dana sekolah dan menyokong dasar pendidikan.	Menyumbang kepada pendidikan berkualiti dan pembangunan modal insan.

---

### Kesimpulan

Kesimpulannya, penglibatan kelas menengah dalam pembangunan sosioekonomi di Malaysia adalah sangat penting dan memberikan impak yang signifikan pada pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Kelas menengah berperanan sebagai penggerak utama dalam ekonomi dengan menyokong pertumbuhan dan keusahawanan, membayar cukai yang menyumbang kepada sumber pendapatan negara, dan meningkatkan kuasa beli yang merangsang permintaan barang dan perkhidmatan. Dalam konteks politik, mereka mengambil bahagian aktif dalam proses demokratik melalui pengundian, penyertaan dalam parti politik, serta memberi sokongan kewangan kepada kampen politik, yang seterusnya membantu memastikan suara mereka didengar dan diwakili. Di dalam masyarakat, kelas menengah menyumbang kepada keharmonian dan pembangunan melalui penglibatan dalam persatuan penduduk, NGO, serta penganjuran program kemasyarakatan. Bagi penglibatan dalam dasar dan tadbir urus pula, kelas menengah memberikan maklum balas konstruktif kepada kerajaan mengenai dasar dan inisiatif, serta berperanan sebagai pengawal selia untuk menilai prestasi kerajaan dalam pelaksanaan dasar. Keterlibatan mereka dalam program-program peningkatan tadbir urus menunjukkan komitmen terhadap integriti dan akauntabiliti. Justeru itu, kelas menengah membantu membentuk dasar berkualiti dan memperkuuh kepercayaan masyarakat terhadap institusi kerajaan, menjadikan mereka agen perubahan penting bagi kesejahteraan dan kemakmuran negara. Keterlibatan mereka dalam pendidikan pula membantu memperbaiki kualiti sistem pendidikan, mendukung dasar pendidikan yang relevan, dan memberikan sokongan kewangan kepada sekolah-sekolah.

Secara menyeluruh, penglibatan kelas menengah tidak hanya memberikan manfaat kepada diri mereka sendiri, malahan juga menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi yang seimbang dan berdaya tahan. Dengan memainkan peranan aktif dalam pelbagai lapisan masyarakat, dan dalam proses pembuatan keputusan, kelas menengah menjadi agen perubahan yang penting dalam memastikan kemakmuran dan kesejahteraan bagi semua rakyat Malaysia. Oleh itu, adalah penting untuk terus memperkuatkan penglibatan mereka dalam pembangunan negara agar dapat mencapai hasil yang positif dan berterusan untuk masa depan yang lebih baik. Kepentingan kajian ini adalah untuk memahami dengan lebih mendalam peranan dan sumbangannya kelas menengah terhadap pembangunan sosioekonomi di Malaysia. Dengan menganalisis penglibatan mereka dalam pelbagai bidang, kajian ini dapat memberikan pandangan yang bernes kepada pembuat dasar, organisasi, dan masyarakat mengenai cara-cara untuk memanfaatkan potensi kelas menengah dalam mempromosikan pertumbuhan dan pembangunan. Harapan dalam kajian ini adalah agar hasilnya dapat dijadikan panduan untuk merancang strategi yang lebih efektif dalam melibatkan kelas menengah dalam proses pembangunan. Kajian ini diyakini dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan sokongan mereka dalam menerapkan dasar-dasar yang inklusif serta mendorong kerjasama antara pelbagai lapisan masyarakat. Secara keseluruhannya, penglibatan kelas menengah

bukan sahaja memberi manfaat kepada individu tetapi juga memperkuatkan struktur sosial, ekonomi, dan politik di Malaysia. Dengan memainkan peranan yang aktif dan bersepada dalam pelbagai sektor, kelas menengah membantu membina masyarakat yang lebih seimbang, berdaya saing, dan progresif. Dalam konteks ini, mereka bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara, tetapi juga menciptakan asas yang kukuh untuk kemakmuran dan kesejahteraan masa depan Malaysia.

### **Penghargaan**

Kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental FRGS/1/2022/SS08/UPSI/02/3. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi di atas peluang yang diberi.

### **Rujukan**

- Abdul Hakim, R., Ismail, R., & Abdul Razak, N. A. (2014). Fuel subsidy rationalisation: The perils of the middle class in Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2), 83-97.
- Abdul Rahman, E. (2002). *State-Led modernization and the new middle class in Malaysia*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Abdul Rahman, E. (2016). The noisy right and the not-so-silent moderates: Democracy and All That in Malaysia. In W. Case (Ed.), *Globalization and democracy in Southeast Asia: Challenges, responses and alternative futures* (pp. 45-62). Singapore: Springer.
- Abdur Rozaki, Bayu Mitra, A. K. & Abd Aziz, F. (2019). Political economy of the muslim middle class in Southeast Asia: Religious Expression Trajectories in Indonesia, Malaysia, and Thailand. *IKAT: The Indonesian Journal of Southeast Asian Social Studies*, 3(1), 95-117.
- Allawati, K. (2014). *Penglibatan kelas menengah Melayu di Malaysia dalam bidang ekonomi dan pemeringkiran ekstremisme: Kajian tinjauan di Lembah Klang*. (Master's thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Anuar, A., & Nur Atiqah, A. (2022). Citizenship education: Challenges and possibilities in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 12(6), 1109 – 1129.
- Annamalah, S., Munusamy, J., & Sentosa, I. (2016). Middle income trap economies, the way forward in Malaysia. Available at SSRN 2876260.
- Barbehön, M., Geugjes, M., & Haus, M. (2020). *Middle class and welfare state: Making Sense of an Ambivalent Relationship*. New York, NY: Routledge.
- Cheok, C. K. (2015). Narratives on Malaysia's contemporary issues. *Journal of Southeast Asian Economies (JSEAE)*, 32(3), 402-410.
- Chun, N., Hasan, R., Rahman, M. H., & Ulubaşoğlu, M. A. (2016). The role of middle class in democratic diffusion. *International Review of Economics & Finance*, 42, 536-548.
- Damanik, F. H. S., Rerung, A., Lubis, M. D. A., Malik, D., & Ismiyatun, I. (2024). Community participation in the public decision process: Realizing better governance in public administration. *Global International Journal of Innovative Research*, 1(2), 88-96.
- Dulkiah, M., Sarbini, S., & Akmaliyah, A. (2024). Participation of the middle class of the local community in the village sustainable development goals program in West Java, Indonesia. *Pakistan Journal of Life and Social Sciences*, 22(1), 4275-4292.
- Dwitasari, K. A. (2024). Mengkaji perkembangan partisipasi warga negara dalam tata kelola pemerintahan yang baik. *Eksekusi: Jurnal Ilmu Hukum dan Administrasi Negara*, 2(2), 15-24.

- Fernandes, L. M. (2023). In the name of the public: The middle classes and the state in liberalizing India. *International Journal on Collective Identity Research*, 11-18.
- Gil Sander, F., Packard, T., Purnamasari, R. S., Testaverde, M., Wacker, K. M., Yap, W. A., & Yoong, P. S. (2014). *Malaysia economic monitor: towards a middle-class society* (No. 93237, pp. 1-104). The World Bank.
- Glassman, R. M. (1995). *The middle class and democracy in socio-historical perspective* (Vol. 10). Brill Press.
- Grootenboer, P., & Larkin, K. (2019). Middle leading small-scale school projects. *International Journal of Educational Management*, 33(7), 1733-1745.
- Hairol Anuar, M. D., Zakaria, S., Ahmad Munawar, I., & Shamsul Azhar, Y. (2014). Pendekatan nilai dalam memilih kepimpinan politik: kajian tinjauan dalam kalangan kelas menengah Melayu pasca Dasar Ekonomi Baru. *Jurnal Hadhari*, 6(2), 71-84.
- Jo, H. (2022). Market-based parental involvement: impact of networks of middle-class mothers in the education marketplace. *Cambridge Journal of Education*, 52(6), 759-774.
- Kochhar, R., & Sechopoulos, S. (2022). How the American middle class has changed in the past five decades. *Pew Research Center*.
- Lamsal, C. P. (2022). Political orientation of middle class in Naya Muluk. *Tribhuvan University Journal*, 37(1), 56-69.
- Leicht, K. T., & Fitzgerald, S. T. (2022). Middle class meltdown in America: Causes, consequences, and remedies. New York, NY: Routledge.
- Liudmyla, Y. (2019). The Middle Class in the System of Reproduction of Social Capital. *History of birth economics and economics opinions of Ukraine*, 52, 276-287.
- Mansor, M. N., Azlina, A., & Mohd Mahadee, I. (2016). Voting behaviour in Malaysia: Locating the sociological determinants of ethnicity, middle classes and development gains. *World Applied Sciences Journal*, 34(6), 805-812.
- Marlon, B., Marilena, G. & Michael, H. (2020). *Middle class and welfare state making sense of an ambivalent relationship*. Library of Congress Cataloging.
- Milenkova, V., & Peicheva, D. S. (2018). Middle class and the importance of education. Socio-cultural and political aspects. *Annales Universitatis Mariae Curie-Skłodowska, sectio K-Politologia*, 24(1), 57.
- Mohd Yusof, H., Mohamad Shaharudin, S., Suraiya, I. & Abd Hair, A. (2017). The influence of neighbourliness in shaping the social wellbeing of urban villages: Evidence from Kampung Berjaya and Kampung Mempelam, Alor Setar, Kedah, Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 7(3), 36-44.
- Muhammad Afidi, N. (2015). *Kelas menengah (middle class) dan implikasinya bagi perekonomian Indonesia*. Published in: Bunga Rampai Ekonomi Keuangan. pp. 173-191.
- Muhammad Najib, S. (2018). *Impact of different tax components, tax buoyancy and tax mix structures on economic growth and fiscal revenues In Malaysia*. (Doctoral thesis, Universiti Putra Malaysia)
- Nina Nurasyekin, Z. & Abdul Quddus, S. M. (2019). Corporate governance in Malaysia: Issues and challenges (Isu dan cabaran tadbir urus korporat di Malaysia). *Journal of Islam in Asia*, 16(2):232-253.
- Nur Annizah, I., Nurul Huda, M. S. & Roza, H. Z. (2020). Parental involvement in education among urban families In Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies*, 25(2), 60-85.

- Oe, H., & Yamaoka, Y. (2024). The role of citizen feedback in shaping social policies: Enhancing administrative processes and information transparency for inclusive governance. *SocioEconomic Challenges*, 8(3), 16-28.
- Raymundo, M. J. M., Gaspar, R. E., & Alber, J. R. (2015). *Why we should pay attention to the middle class*. Manila: Philippine Institute for Development Studies, 1-10.
- Riki Rahman, Muhammad Masruri, Muhamaymin Hakim, A., Nor Shela, S., & Ridhoul, W. (2021). Exploring the contribution of the muslim middle class society in Malaysia to the nation national socio-economic development. *Journal of Islam and Contemporary Society*. 22(3), 211-224
- Rodan, G. (2014). Civil society activism and political parties in Malaysia: differences over local representation. *Democratization*, 21(5), 824-845.
- Rohaty, M. M. & Maisarah, M. R. (2010). Teachers' and parents' Perception on effective strategies for dropout prevention. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 9,1036-1041.
- Roslan, A. H., Nor Azam, A. R., & Russayani, I. (2017). Is Malaysia's economic growth associated with the creation and expansion of the middle class in Malaysia? *Journal of Economics and Sustainable Development*, 8(4):189-196.
- Saravanamuttu, J. (1992). The state, ethnicity and the middle class factor: Addressing nonviolent, democratic change in Malaysia. In K. Rupensinghe (Ed.), *In Internal conflict and governance* (pp. 44-64). London: Palgrave Macmillan.
- Trinh, B. (2021). Living in uncertainty - prosperity and the anxieties of ngo middle-class women in the context of marketisation and privatisation in Vietnam. *Asian Studies International Journal*. 1(1), 1-8.
- Trinh, B. (2022). The moral middle-class in market socialism: An investigation into the personhood of women working in NGOs in Vietnam. *Asian Journal of Social Science*. 50(2), 104-111.
- Tulina, T. M. (2020). Development of the potential of the middle class of society as a factor in the implementation of the strategy of socio-economic development of the Vologda Region Until 2030. *Scientific Research and Development, Economics*, (2), 60-67.
- Vijnana, A. (2024). Middle Class and development: a study of indian state. *Artha Vijnana*, 66(1).
- Wan Kamal, M. & Allawati, K. (2012). Muslim kelas menengah di Malaysia: Definisi serta sumbangan dalam bidang ekonomi dan politik. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(2) 2012, 1-39.
- Wan Kamal, M., Wan Mohd Hirwani, W. H., Noor Inayah, Y., Allawati, K., & Ermy Azziyat, R. (2012). The political and economic contributions of the muslim middle class in Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6, 285-295.
- Yakovlev, D., Yakovleva, L., & Koltsov, V. (2023). Middle Class In Ukraine: Government or opposition?. *Baltic Journal of Economic Studies*, 9(3), 86-95.
- Zerah, M. H. (2007). Middle class neighbourhood associations as political players in Mumbai. *Economic and Political Weekly*, 61-68.